Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

■ DATUK SERI DR MAHATHIR melawat masjid yang terbesar di Seoul.

■ PERDANA MENTERI menerima hadiah kereta jenis Stelliar.

■ PERDANA MENTERI menemui para pelajar Malaysia di Pushan. — Gambar Jabatan Penerangan oleh Jasman.

DASAR PANDANG KE TIMUR

JADIKAN TELADAN DAN SEMPADAN

● DATUK MUSA HITAM

Oleh ZAINUDDIN AYIP

KITA kini sedang menoleh ke Timur — kita memandang ke Jepun dan Korea Selatan. Selama ini kita terlalu memandang ke Barat.

Baik Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mahupun Datuk Musa Hitam telah berulangkali memperjelaskan sebab-sebab mengapa kita perlu beralih ke Timur.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatannya ke Jepun dan Korea Selatan baru-baru ini mengakui bahawa ada aspek-aspek tertentu yang boleh dicontohi dari kedua negara itu.

Kita akui bahawa dulu kita mengutamakan Barat, tetapi sejak akhir-akhir ini Barat sudah berubah. Pekerjanya lebih mementingkan gaji dari bekerja keras. Dalam pada itu, dari Jepun dan Korea Selatan kita dapati orang-orangnya rajin bekerja dan bekerja keras untuk memajukan negara dan diri sendiri.

"Tentu tidak salah kita mencontohi etika kerja mereka," jelas Perdana Menteri berterus-terang.

Dan Datuk Musa Hitam pula baru-baru ini menegaskan bahawa Dasar Pandang Ke Timur adalah konsep pro-Malaysia yang tidak anti-Barat dan tidak pula anti-Timur. Dasar itu juga tidak akan menyebabkan kita menjadi 'negara bawahan' bagi Jepun dan Korea Selatan, tambahnya.

Malaysia, katanya, mahu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain, dan negara juga mahu bekerjasama secara lebih erat dengan kedua negara itu. "Lebih penting lagi, kita mahu belajar tabiat dan sikap mereka bekerja yang akan membolehkan kita mencapai kejayaan yang sama atau lebih tinggi dari mereka," jelas Timbalan Perdana Menteri lagi.

Konsep Pandang Ke Timur mempunyai falsafah dan pengertian yang mendalam dan terperinci dari yang diheboh-hebohkan oleh setengah pihak, terutama mereka yang tidak meresui konsep itu kerana ada kepentingan lain. Apa yang diajukan oleh Perdana Menteri ialah supaya segenap lapisan masyarakat Malaysia mempelajari dan mencontohi aspek-aspek kehidupan, kesusilaan dan teknologi Jepun dan Korea Selatan yang boleh memberi kesan baik kepada negara dan masyarakat kita.

Terulung

Kedua negara itu adalah contoh terbaik dan paling sesuai menunjukkan bagaimana melalui usaha yang tekun, kerajinan dan tata tertib, sebuah negara yang hampir-hampir hancur oleh peperangan berjaya muncul sebagai kuasa ekonomi yang kukuh dan disegani dunia.

Melalui daya pengeluaran di bidang penginlangan dan pembuatan dan pembaikan teknologi yang berterusan, Jepun bukan sahaja berjaya menandingi negara-negara perusahaan di Barat, malah dalam bidang-bidang tertentu telah mengatasi negara-negara itu.

Di bidang pembuatan kereta, misalnya, Jepun begitu cepat berjaya melahirkan model-model terbaru hingga perusahaan Barat, khususnya Amerika Syarikat, Britain, Jerman Barat dan Perancis, menganggapnya sebagai ancaman.

Di bidang elektronik ringan seperti televisyen, radio, jam dan komputer mini, negara-negara Barat sudahpun mengaku kalah. Adalah diramalkan, jika aliran kemajuan ekonomi yang ada sekarang berterusan, Jepun dan Korea akan muncul pula sebagai pengeluar barangan industri berat — termasuk kapal — yang terulung di dunia.

Malaysia, sebagai sebuah negara membangun dan sedang mencapak untuk menjadi negara perindustrian, tidak harus meniru secara meluiu atau menganggap segala perlakuan dan kerja-kerja orang Jepun dan Korea baik belaka.

'Yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan' kata pepatah Melayu, dan inilah yang paling baik dijadikan azimat sewaktu kita Memandang Ke Timur.

Di peringkat awal, apa yang harus kita buat ialah menghantar pelajar dan pelatih ke kedua negara itu untuk mengungkil rahsia kejayaan dan etika kerja rakyat Jepun dan Korea, selain menarik para pelabur kedua negara itu ke Malaysia, asalkah pendaga tempatan tidak diketepikan.

Selain itu, kita perlu memujuk Jepun dan Korea Selatan membeli lebih banyak barang mentah seperti getah, timah, petroleum, balak dan hasil keluaran kilang negara.

Dasar itu memang tidak disenangi oleh setengah pihak. Ada yang mengkritiknya, termasuk golongan yang berilmu, masyarakat industri dan pedagang dan sampailah kepada orang biasa.

Jaminan

Datuk Seri Dr Mahathir selepas melawat kedua-dua negara itu berpuas hati dengan beberapa jaminan pemimpin-pemimpinnya. Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone, bulan Mei lalu, sewaktu beliau melawat negara ini memberi jaminan untuk membantu Malaysia melaksanakan Dasar Pandang Ke Timurnya.

Kata Encik Nakasone, Jepun telah lama mengekalkan hubungan rapat dan baik dengan negara-negara Asean, malah lebih dari itu sebagai persaudaraan. Beliau mesifatkan Asean sebagai sendi utama dasar luarnya.

Dalam lawatan 11 hari Perdana Menteri ke Jepun pula, negara itu telah memberi jaminan tentang bantuan pembangunan rasmi (ODA), kredit yen, pembukaan lebih luas pasaran Jepun, pemindahan teknologi dan peluang latihan bagi warganegara Asean di Jepun.

Ketika Datuk Seri Dr Mahathir melawat seminggu ke Korea Selatan baru-baru ini, Presiden Chun Doo Hwan juga mengalu-alukan langkah Malaysia menjadikan negaranya untuk diteladani.

Presiden Chun memberi jaminan untuk membantu Malaysia sebaik mungkin bagi mempastikan kejayan pelaksanaan dasar tersebut. Beliau juga berjanji untuk membuka peluang yang lebih luas kepada pelajar dan pelatih kita berkursus di negaranya.

Selain itu, pemimpin Korea juga memberi jaminan untuk menggalakkan sektor swastanya melabur di Malaysia lebih-lebih lagi secara usahasama dengan rakyat tempatan di bidang-bidang baru termasuk dalam industri berat.

Beliau mahu menjadikan Malaysia sebagai abang-adik dan bukan lagi saudara.

Dalam lawatan selama seminggu itu, Perdana Menteri sengaja mengajak rombongan usahawan Malaysia untuk meninjau dari dekat cara-cara rakyat Korea bekerja dan cara-cara majikan di sektor swasta mengendalikan perusahaannya.

Beliau dan rombongannya berpeluang melawat 11 kilang di Seoul, Pusan, Ulsan dan Hyundai. Antara kilang itu ialah membuat kereta, jet, kapalterbang, kapal kargo dan perabot.

Selain mencontohi etika kerja orang Korea, banyak lagi yang boleh kita pelajari. Antaranya projek 'Saemoul Undong' yang membawa republik tersebut menjadi sebuah negara maju di bidang pembangunan tanah.

Projek itu bermakaud: satu gerakan untuk membentuk kampung dan masyarakat baru. Atau maksudnya, satu usaha ke arah pemodernan mengikut amalan semangat bekerja kuat, berdikari dan bekerjasama sebagai satu pasukan.

Dalam usaha Korea melaksanakan Saemoul Undong itu, tiga aspek ditekankan sebagai garis panduannya, iaitu meningkatkan semangat rakyat, pemeliharaan alam sekitar dan meningkatkan pendapatan penduduk.

Dalam usaha meningkatkan semangat, amalan kerja kuat, kerjasama dan berdikari, kehidupan yang rasional dan saintifik, galakan pengekalan etika tradisional (kesetiaan bergotong-royong) dan menubuhkan koperasi akan ditumakan.

Dalam usaha memeliharaan alam sekitar ini, Kerajaan menekankan pembangunan tanah, perumahan, penempatan, perhubungan masyarakat, pembekalan air, elektrik dan jambatan. Usaha ini adalah untuk memberi keselesaan dan mutu kehidupan yang lebih baik kepada rakyat secara keseluruhannya.

Peningkatan pendapatan pula dilakukan melalui usaha-usaha meningkatkan daya pengeluaran pertanian, penanaman yang lebih saintifik, menjual hasil tanaman, kemudahan sistem pengairan yang baik, kemudahan pinjaman dan membaiki urusan pengeluaran dan pemasaran.

Di Malaysia, projek yang hampir sama seperti itu telah dilaksanakan menerusi rancangan Felda dan Felcra dan projek pembangunan tanah pertanian seperti Mada untuk tanaman padi.

Kemudahan-kemudahan yang ada dalam rancangan-rancangan itu harus dikemaskini atau ditambah lagi. Kemudahan-kemudahan air, elektrik dan jalanraya yang baik harus disalurkan kepada penduduk peneroka.

Soal sikap dan etika rajin bekerja boleh dibentuk. Orang-orang Melayu boleh menjadi rajin jika disogokkan dengan pelbagai faedah yang boleh didapati dari hasil kerajinan mereka.

Sebenarnya, konsep Memandang ke Timur ini mengharapkan agar rakyat Malaysia, terutama Melayu, dapat membuktikan bahawa mereka tidak malas seperti yang pernah dicap oleh orang Inggeris dulu.

Dalam soal Memandang Ke Timur, ada juga perkara-perkara yang tidak boleh dicontohi. Soal kebebasan seks di Jepun, misalnya, tidak harus diterapkan di negara ini.

Adegan-adegan ranjang dan pendedahan bentuk badan wanita yang biasa dipancarkan di pawagam-pawagam di Jepun tidak sesuai bagi kita. Kebebasan bergaul antara muda-mudi dan duduk serumah tanpa kahwin juga tidak boleh dicontohi.

Mendadani Jepun dan Korea Selatan juga tidak boleh mengambil sikap 'apa yang negara itu buat, kita akan buat.' Kita tidak mungkin mampu dalam masa yang singkat untuk memyaingi Jepun sebagai pengeluar kereta dan alat-alat elektronik. Kita juga tidak mampu untuk menjadi seperti Korea yang mengeksport kapal kargo dan pelantar minyak.

Amalan 'berdikit-dikit' adalah yang sebaik-baiknya.

Pendeknya, wajarlah Kerajaan kita mengamalkan pepatah Melayu 'yang baik dijadikan teladan, dan yang buruk dijadikan sempadan' dalam melaksanakan Dasar Pandang Ke Timur.